

Calon PhD perlu pengorbanan besar habiskan pengajian

Agenda kerajaan melahirkan 60,000 memegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) menjelang 2023 ialah cabaran perlu di-sambut semua pihak.

Setiap tahun, tawaran melanjutkan pelajaran di peringkat PhD secara tajaan biasiswa di bawah pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, MARA dan yayasan negeri pasti diiklankan.

Ramai penjawat awam mencuba nasib. Namun, tidak semua berjaya dalam cubaan pertama, malah ada mencuba hingga beberapa kali, tetapi kesungguhan mereka perlu dipuji.

Melanjutkan pendidikan pada peringkat PhD tidak cukup setakat kesungguhan, sebaliknya perlu disertai keketatan, kekuatan dan keupayaan minda, disokong kejituan semangat serta jati diri tinggi.

Niat harus diperbetulkan, iaitu mem-

bawa pulang segulung ijazah, menyandang gelaran 'Dr' dan menyumbang semula kepada kerajaan dengan lebih berkesan.

Apakah kesiapsiagaan diri penjawat awam berada pada tahap tinggi untuk memenuhi harapan menamatkan pengajian tepat pada waktunya?

Menentukan hala tuju kajian ialah perkara paling kritikal calon PhD agar berada di landasan betul. Ia menuntut pembacaan dan penulisan berterusan melalui proses 'cuba dan salah' hingga terserlah kematangan ilmu.

Mencapai tahap kematangan ilmu bukan mudah. Pelbagai halangan dan rintangan mental harus ditempuhi, manakala permasalahan timbul perlu diselesaikan agar proses kesinambungan pemikiran dapat diteruskan untuk mengharungi fasa kajian dalam PhD dan akhirnya merungkaikan isu dikaji.

Kegagalan menamatkan pengajian dengan jaya bakal berdepan tindakan penguatkuasaan terhadap perjanjian di-

tandatangani dengan kerajaan. Ketika itu, nasi sudah menjadi bubur. Menesia-siakan peluang keemasan hanya merugikan diri sendiri apatah lagi sudah jatuh ditimpa tangga pula. Namun, masih ramai ingin menyambung pengajian ke peringkat PhD sungguhpun menyedari keperitan dan trauma bakal dilalui.

Oleh itu, sebagai persediaan agar tidak terganggu kesinambungan pemikiran dan kehilangan fokus, elak mencari dan mencipta masalah baharu dalam hidup. Persediaan untuk mensejajarkan gaya hidup semasa mengikut keperluan PhD harus juga diberikan perhatian. Pengorbanan masa bersama keluarga dan sanak saudara tidak dapat dielakkan.

Sokongan insan terdekat diperlukan agar tidak menjadi batu penghalang untuk menamatkan pengajian tepat pada masanya. Hakikat membaca dan menulis tesis menjadi antara 'makanan' setiap hari perlu diterima terbuka.

Pergantungan usaha semata-mata untuk menempuhi ujian PhD tidak mencukupi. Sudah pasti jalinan hubungan lebih akrab dengan Yang Maha Kuasa diperlukan dalam membina jati diri tinggi untuk mendepani pelbagai cabaran serta memohon cahaya dan jalan keluar hingga berjaya menggenggam segulung ijazah PhD.

Bukan mudah mendapat gelaran 'Dr' ini. Tenaga, masa, wang, fikiran dan perasaan perlu dikorbankan dalam tempoh panjang. Ditambah risiko tindakan penguatkuasaan jika gagal menamatkan pengajian tepat pada waktunya. Oleh itu, keputusan menyambung pengajian harus difikirkan sesuai peribahasa Melayu, sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna.

Dr Mohd Yussuf Al Fahmey Abdul Rahim,
Kluster Pembangunan Kepakaran, Institut
Tadbiran Awam Negara (INTAN)